

SOALAN NO: 253

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : Y.B TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING**  
**[PENAMPANG]**  
**TARIKH : 12 Oktober 2017 (Khamis)**  
**SOALAN : 253**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status kerja pembinaan Klinik Kesihatan 3 (KK3) dengan Kuarters, Penampang yang di mana pecah tanah dirasmikan pada 15hb Mac 2013

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambahbaik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya penduduk Sabah. Justeru itu, Kementerian ini memandang serius berhubung kerja-kerja naik taraf fasiliti kesihatan di seluruh Sabah terutamanya projek Klinik Kesihatan (Jenis 3), Penampang, Kota Kinabalu.

Untuk makluman, Projek Klinik Kesihatan (Jenis 3), Penampang, Kota Kinabalu telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di dalam 2 Fasa dan perinciannya adalah seperti berikut:

Fasa 1: Kerja-Kerja Tanah dan Rawatan Tanah

Tarikh Milik Tapak : 15 Mac 2013

Tarikh Siap Sebenar : 02 Jun 2015

Fasa 2: Kerja Bangunan dan Kerja Berkaitan

Status Projek : Projek ini masih di peringkat Reka Bentuk. Sehingga 29 September 2017, kelulusan *Development Plan (DP)* daripada Majlis Daerah Penampang (MDP) masih belum diperolehi.

Kelewatan projek adalah disebabkan kelewatan MDP meluluskan *Development Plan*. Permohonan *Development Plan* telah dimulakan pada tahun 2012 dan sehingga 29 September 2017, kelulusan masih belum diterima.

Susulan yang dilaksanakan oleh pihak JKR yang melaksanakan projek adalah meliputi tindakan berikut:

- i) Pengemukaan *Development Plan* Pindaan kali ke-7 (Pindaan G) oleh ke MDP pada 14 Ogos 2017
- ii) Mesyuarat Koordinasi Projek oleh JKR, Sesi Perjumpaan JKR bersama MDP dan Mesyuarat Hala Tuju Pelaksanaan Projek oleh KKM